

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 DISEMBER 2023

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 21

### Inflasi dijangka 3.5 peratus

Bernama  
Petaling Jaya

**INFLASI DIJANGKA 3.5 PERATUS**

*Pakar ekonomi ramal inflasi mencanak selepas semakan semula subsidi menjelang 2024*

**H**asrat kerajaan menyemak semula kawalan harga dan subsidi pada 2024 memberi kesan terhadap prospek inflasi serta permintaan di Malaysia ketika negara melakukan peralihan serta penetapan dasar bagi melaksanakan pembaharuan serta dasar dijanjikan.

Ahli Ekonomi dan Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Sosioekonomi (SERC) Lee Heng Guie berkata, inflasi dijangka meningkat pada paras 2.8 hingga 3.5 peratus pada 2024 daripada anggaran 2.5 peratus tahun ini.

"Risiko itu disumbangkan oleh turun naik kadar pertukaran serta faktor berkaitan bekalan seperti harga komoditi global, ketidaktentuan geopolitik dan cuaca," katanya pada program Siri CEO 2023: Forum Ekonomi dan Perniagaan anjuran Institut Rehda di sini, semalam.

Sebelum ini, Menteri Ekonomi Rafizi Ramli berkata, kerajaan melaksanakan program subsidi bersasar RON95 pada se-

paruh kedua 2024 dalam usaha mengoptimumkan sumbernya.

Katanya, dengan kumpulan 20 peratus berpendapatan tinggi atau T20 menikmati 53 peratus daripada subsidi bahan api secara menyeluruh, ia model tidak mampar atau saksama.

"Berdasarkan kewangan awam kita yang mengalami defisit fiskal lebih 5.0 peratus selama tiga tahun berturut-turut, kita mesti mencari kaedah baru menggerakkan sumber serta mengurangkan lagi pema-

ziran dalam sistem," kata Rafizi.

Dalam pada itu, Lee menerusi pembentangan pada program itu, menyifatkan ruang fiskal kerajaan yang terhad sebagai antara faktor mengkekang pertumbuhan.

"Kita tahu apa yang tidak kena serta apa yang perlu diubah. Kita juga harus menanggung kos (impak daripada) peralihan serta pelarasan ini apabila membuat pembaharuan radikal dan memperkemas sistem," katanya.

Menulis

**Pertumbuhan ekonomi dijangka 4.5 peratus iaitu dalam julat diunjurkan oleh kerajaan**

aspek pertumbuhan, beliau berkata, ekonomi Malaysia diunjur berkembang pada 3.9 peratus dalam tempoh sembilan bulan pertama 2023 manakala suku terakhir diunjur sekitar empat peratus, disokong oleh pelancongan.

"Bagi tahun depan, saya jangkakan pertumbuhan ekonomi 4.5 peratus iaitu dalam julat diunjurkan oleh kerajaan."

"Berikut itu, semua sektor dijangka terus mencatat pertumbuhan pada tahun depan dengan pemacu utama adalah sektor perkhidmatan diikuti pemulihran sektor perkilangan," katanya.